

## JURNAL GADING : KE ARAH PENAMBAHBAIKAN

Tengku Intan Suzila, Azlini Razali dan Mohd Yusri Mohamad Noor  
*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang*

### ABSTRAK

Setiap penulisan akademik yang dihantar kepada mana-mana penerbitan luar mahupun dalaman perlulah mempunyai kualiti akademik yang mutlak. Pihak penerbitan selalunya mengeluarkan satu tatacara penulisan yang perlu menjadi panduan kepada mana-mana penulisan yang berminat untuk menerbitkan karya mereka. Pihak penerbitan juga mempunyai kriteria tersendiri dalam memilih karya penulisan akademik yang layak diterbitkan agar kualiti dan kehormatan sesebuah jurnal itu dapat dipastikan dan dikekalkan. Walaubagaimanapun, mana-mana pihak penerbitan adakalanya perlulah memuhasabahkan diri, agar tidak terus menudung jari menyalahkan penulis sekiranya penulisan yang diterima tidak mencapai matlamat kualiti yang dispesifikasikan. Oleh itu, satu analisis dijalankan bagi melihat senario sebenar dunia penulisan akademik di universiti ini. Metodologi yang menjadi panduan analisa ini bercorakkan ‘error analysis’, agar kelemahan dapat dirumuskan dan cadangan untuk penambahbaikan dapat dihasilkan. Kajian ini, menyanggah mana-mana tujuan yang tidak pro-aktif dan bersifat menyalahkan mana-mana pihak. Bertujuan membaiaki proses dan kualiti penerbitan dalaman, hasil kajian ini diharapkan dapat membuka minda ke arah kebaikan bersama.

### PENGENALAN

Jurnal Akademik Gading adalah sinonim dengan warga akademik Universiti Teknologi MARA Pahang. Ini kerana dengan wujudnya sebuah jurnal akademik dalaman ini, ia membuka ruang dan peluang bagi para pensyarah mengasah bakat dalam bidang penulisan akademik. Ia juga memainkan peranan yang global dalam menaikkan taraf Universiti Teknologi MARA Pahang di bawah penerbitan UPENA. Di samping itu, jurnal ini juga menjadi pelantar bagi para pensyarah yang berminat mengasah bakat mereka sebagai penyunting profesional.

#### **Jurnal Akademik – Suatu Tinjauan**

Penulisan akademik ialah satu set penyelarasan penulisan yang sering dilihat dalam tesis and penerbitan di dalam bidang masing-masing. Ia mempunyai satu takrifan atau tatacara yang unik dan tersendiri hingga menjadikan ia terlalu lengkap agar sesuai dan diterima untuk cetakan jurnal berkenaan. Jurnal akademik juga mempunyai set keistimewaan dan keilmuan yang lengkap sehingga adakalanya meninggalkan satu ruang ketidakertian dalam pemahaman pembaca (Anon 2002).

Penulisan akademik itu dihasilkan kerana ia boleh 1) menjadi asas untuk berfikir, menyatakan dan menerangkan apa yang difikirkan; 2) melepaskan dan menyelesaikan masalah yang sering terbukti di hati dan pemikiran; 3) membantu memperjelaskan isu-isu yang belum terjawab di fikiran; dan 4) menggalakkan pembaca berfikir tentang isu-isu yang diketengahkan. Penghasilan penulisan akademik ini pula perlu diterbitkan kerana ia boleh 1) meningkatkan perkembangan kerjaya seseorang individu; 2) memberi penghargaan kepada kerja penulisan dan pemikiran intelektual yang telah dilakukan secara sedar atau tidak; 3) membendung masalah ide dicuri; 4) memberi kepuasan peribadi; 5) meletakkan sasaran kepada pencapaian diri dan kerja; dan 6) melatih diri untuk menulis pada peringkat yang lebih bermutu (Anon 2002).

Sesebuah jurnal akademik menerbitkan artikel-artikel berbentuk kesarjanaan, dinilai oleh rakan penyunting dan ditulis oleh pakar bidang (Murray 2005). Objektif kewujudan sesebuah jurnal itu ialah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, dan perkembangan ilmu melalui perbincangan.

Kesarjanaan di sini membawa maksud setiap fakta atau pendapat didokumentasikan dan bersandarkan kepada kajian atau sebarang bentuk penyelidikan. Dokumentasi kesarjanaan ini menyumbang rujukan yang tepat termasuk fakta penulis asal dan nombor mukasurat bagi setiap maklumat penting yang diceruk dari sumber luar. Artikel ini perlulah berakhir dengan maklumat lengkap bibliografi, dan nota

kaki (footnote) yang dipersembahkan mengikut format yang telah ditetapkan (Anon 2003). Kesemua ini menjadi tanggungjawab asas seorang penulis jurnal akademik.

Sesebuah artikel jurnal akademik juga menawarkan senarai cadangan untuk bacaan lanjutan. Artikel ini juga adakalanya panjang, kompleks, dan selalunya sukar difahami oleh bukan pakar pada pembacaan kali pertama (Anon 2003).

Dinilai oleh rakan penyunting, dipilih dan diluluskan oleh panel, pula membawa maksud bahawa setiap penulisan akademik itu, perlulah melepassi satu badan penyunting yang bertauliah dan profesional di mana mereka bertanggungjawab memutuskan sama ada ia perlu dipulangkan kembali kepada penulis untuk dibaiki atau ditolak terus dan juga memberi cadangan untuk penambahbaikan (Anon 2003).

Tugas rakan penyunting bukanlah setakat membulatkan ejaan yang salah, tetapi juga menyiasat dan mencabar setiap pernyataan idea dan penilaian fakta oleh penulis dan pernyataan penutupnya. Badan ini bertindak sebagai penyemak kedua kepada kesahihan fakta-fakta, ungkapkata (quotations), pengiraan atau dakwaan (Anon 2003). Walaubagaimanapun, penyunting juga manusia biasa yang adakala melakukan kesilapan, maka penting untuk penulis memastikan penulisan mereka adalah yang terbaik, menepati tatacara dan bermutu tinggi.

Ditulis oleh pakar bidang membawa maksud ia bukanlah ditulis dalam bentuk penulisan majalah, iaitu seperti ditulis oleh wartawan atau penulis bebas. Penulis jurnal akademik adalah pensyarah, pelajar, atau pakar di dalam bidang tersebut. Yang membezakan penulisan kewartawanan dari penulisan akademik ialah wartawan menulis berlandaskan laporan apa yang telah berlaku (atau pengalaman seseorang), dan ringkasan kejadian (Anon 2003). Penulisan akademik pula mestilah menyumbang ke arah pemikiran yang tajam, dan penting di dalam dunia keilmuan

### **Kriteria Pemilihan Jurnal Antarabangsa**

Menjadi satu kebiasaan bagi kebanyakan artikel yang diterima oleh jurnal antarabangsa adalah dari kalangan hasil penulis yang berpengalaman. Walaubagaimanapun, ini tidak semestinya kerana mereka adalah golongan pakar yang disegani atau berjaya menghasilkan penulisan yang berkualiti tinggi. Ada di antaranya kerana mereka meletakkan perhatian yang sangat tinggi terhadap tatacara yang dikehendaki oleh sesebuah jurnal itu. Tambahan pula, kebanyakan artikel yang diterima menggambarkan ciri-ciri akademik yang penting.

Penulisan yang diterima menunjukkan "*knowledge of the market*" (Davis 1998). Penulisan seperti ini, tidak semestinya asli tetapi memenuhi kehendak dan keperluan komuniti akademik pada masa di mana ia disifatkan penting dan unggul. Mengetahui kehendak komuniti akademik mahupun perkembangan masyarakat luaran, memberi ruang agar penulisan yang dihantar kepada penerbit bersifat relevan dan sesuai pada masa persembahannya. Hakikat ini, meninggikan peluang untuk sesebuah penulisan itu diterima bagi tujuan penerbitan.

Lanjutan dari itu, penulis perlulah peka dan bijak memilih jurnal mana sesebuah penulisan itu sesuai diterbitkan. Ini melibatkan pengetahuan aras kesarjanaan sesebuah jurnal itu seperti bentuk penulisan yang sering diterbitkan oleh jurnal tersebut. Adakah ia perlu berlandaskan penyelidikan jitu, berbentuk perbincangan ke arah penghasilan ilmu baru atau mencakupi isu keilmuan dari segala aspek (Davis 1998). Penulis juga perlu tahu bakal pembaca yang disasarkan oleh penerbit jurnal tersebut.

Penulis bolehlah menghantar penulisan yang memenuhi kehendak jurnal yang dipilih, bersesuaian dengan aras kesarjanaannya, subjeknya, dan pembaca sasarannya. Walaubagaimanapun, penulisan yang dihantar perlulah sangat-sangat menepati tatacara yang ditetapkan. Jika ada di antara kriteria ini gagal dipenuhi, maka kuranglah peluang ia diterbitkan.

## JURNAL AKADEMIK GADING – SATU ANALISA

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan melihat kesilapan-kesilapan asas yang wujud di dalam jurnal Gading yang telah siap diterbitkan dan yang dalam proses penerbitan. Dari hasil kajian ini, cadangan-cadangan pro-aktif dapat dibuat demi penambahanbaikan dan penaikkan taraf jurnal akademik ini agar lebih dihormati dan disegani.

### **Penyataan Masalah**

Segelintir warga akademik melihat kewujudan jurnal ini hanyalah sebagai penyelesaian akhir kepada keperluan penilaian prestasi kerja yang mewajibkan setiap pensyarah menghasilkan penulisan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Namun tidak dinafikan kehadirannya adalah sangat penting memandangkan kebanyakan jurnal yang menjadi rujukan utama (refereed journals) mengenakan kriteria pemilihan yang sangat ketat.

Masalah ketara yang menjurus kepada kajian ini adalah kesilapan-kesilapan asas yang wujud dalam penulisan yang diterima oleh pihak penerbitan Gading. Kesilapan-kesilapan asas ini, mencacatkan persembahan jurnal secara keseluruhan dan boleh menjatuhkan reputasi jurnal ini jika tidak di atasi secara menyeluruh. Prasa “kesilapan-kesilapan asas” yang digunakan dalam kajian ini membawa pengertian kesilapan-kesilapan atur huruf (typesetting), ejaan, tatabahasa, penyelarasian penulisan rujukan atau bibliografi (convention) dan tanda bahasa (punctuation) yang dianggap asas/teknikal dan tidak sepatutnya wujud secara berleluasa di dalam sesebuah penerbitan jurnal akademik.

### **Metodologi**

Kajian ini menggabungkan konsep kajian analisa kesalahan (error analysis) dan analisa teks (text analysis). Gabungan ini membenarkan pengkaji menetapkan kriteria kajian berlandaskan apa yang ingin dilihat dan menganalisa kesalahan yang wujud di dalam sesuatu teks berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Model kerja Corder (1967) digunakan sebagai panduan untuk pengumpulan data, deskripsi kesalahan dan penerangan kesalahan. Bagi deskripsi dan penerangan kesalahan, tatacara penulisan jurnal akademik Murray (2005) dirujuk demi menepati objektif kajian ini. Kiraan rawak bagi setiap 5 mukasurat dijalankan kerana ia menghasilkan satu data kesalahan asas yang menyeluruh. Menggunakan data sebelum dan selepas penyuntingan, satu statistik peratusan dapat dihasilkan untuk memberikan gambaran secara keseluruhan sejauh mana berkesannya komen penyunting. Namun begitu, kajian ini tidak memerlukan kiraan terperinci kerana ia tidak menepati objektif kajian.

Kajian bagi set penulisan Gading 2005 didalami dengan tambahan prinsip pengiraan yang sama bagi sebelum dan selepas disunting. Ini bertujuan menggambarkan satu fenomena pentingnya kewujudan penyunting yang berkualiti bagi menghasilkan sesebuah penerbitan yang berkualiti.

Berlandaskan perbandingan antara keputusan kajian dengan tatacara penulisan jurnal akademik Murray (2005) yang diadaptasikan, dapatkan kajian ini diharap dapat menawarkan ruang untuk penambahbaikan.

### **DAPATAN**

Jadual 1 membandingkan kesilapan-kesilapan asas di dalam Jurnal Gading cetakan tahun 2002 dan 2003. Kedua-dua jurnal ini telah berjaya diterbitkan walaupun tidak melalui penerbitan induk universiti iaitu UPENA. Namun begitu, usaha yang jitu sedang rancak dijalankan agar penulisan yang diterbitkan di dalam jurnal-jurnal ini mendapat pengiktirafan yang sama dengan jurnal yang diterbitkan melalui UPENA. Untuk tujuan itu, jurnal-jurnal awal ini perlulah melalui semula proses penyuntingan dan mengatur huruf kerana jumlah kesilapan-kesilapan asas mencacatkan persembahan jurnal-jurnal tersebut.

**Jadual 1: Dapatan kajian jurnal-jurnal awal**

Tahun terbitan/ kesilapan asas	Jurnal Gading 2002	Jurnal Gading 2003
Atur huruf	198	205
Ejaan	23	54
Tatabahasa	102	158
Tatacara	110	155
Tanda baca	45	62
<b>Jumlah</b>	<b>478</b>	<b>602</b>

Jadual 2 membandingkan kesilapan-kesilapan asas yang wujud di dalam proses penerbitan jurnal Gading bagi tahun 2005. Dapatan ini diharapkan dapat menjelaskan punca wujudnya kesilapan-kesilapan asas ini, agar dapat dianalisa dan menghasilkan satu penyelesaian yang positif.

**Jadual 2: Dapatan analisa proses penerbitan Jurnal Gading 2005**

Kriteria/ Jumlah kesilapan	Sebelum penyuntingan (A)	Selepas dibetulkan oleh penulis (B)	Beza Antara (A-B) (Peratus penambahbaikan)	Disunting oleh penyunting tetapi tidak dibetulkan oleh penulis	Kegagalan penyunting mengesan kesalahan awal
Atur huruf	489	125	364 (74%)	21	104
Ejaan	114	21	93 (82%)	5	-
Tatabahasa	3562	552	3010 (85%)	324	228
Tatacara	425	327	98 (23%)	57	26
Tanda baca	214	85	129 (60%)	28	14
<b>Jumlah</b>	<b>4804</b>	<b>1110</b>	<b>3694 (76.9%)</b>	<b>435</b>	<b>372</b>

\*setiap pengiraan dibuat secara kiraan rawak

## PERBINCANGAN

### Penyuntingan

Jadual 2 juga menunjukkan kepentingan wujudnya satu badan penyunting yang peka terhadap kesilapan-kesilapan ini. Penyunting-penyunting ini perlulah bersikap suka membaca dan secara halus, mengkritik. Penyunting telah menyumbang sebanyak 76.9% dalam proses penambahbaikan penerbitan jurnal Gading 2005. Jumlah ini mungkin meningkat kerana setiap penulisan perlu melalui saringan ketua penyunting dan pengurus UPENA pula pada tahap kerja-kerja atur huruf. Walaubagaimanapun, peluang untuk mendapat pendidikan profesional dalam bidang penyuntingan bahan penulisan, menjadi satu impian bagi kebanyakan penyunting. Ini kerana masih terdapat sejumlah besar (372) kesilapan yang gagal dikesan pada proses penyuntingan awal. Pendidikan profesional ini mungkin mampu menghasilkan satu badan induk yang mahir bagi menyunting semua hasil penulisan akademik terbitan UPENA Pahang. Ini termasuk penulisan bagi jurnal, prosiding konferensi dan pembentangan kolokium.

### Jurnal Gading 2002

Terdapat 28 penulisan diterbitkan di dalam jurnal ini. Bermula dari muka 1 hingga 234, jurnal ini berjaya merangkumi perbincangan-perbincangan akademik dari sains teknologi dan juga sains sosial. Tanpa menilai ciri-ciri kualiti dalam setiap penulisan, kejayaan maya telah dikecapi jurnal ini. Ini kerana kajian ini mendapat terdapat kesilapan-kesilapan asas yang wujud menjadi penghalang kejayaan sebenar penerbitan jurnal Gading.

Kesilapan-kesilapan asas di dalam jurnal 2002 ini merangkumi aspek ketidakselarasan:

1. marjin
2. jarak ruang antara perkataan, jadual, perenggan dan ayat
3. jarak antara noktah
4. kedudukan jadual, sama ada di dalam perbincangan atau di akhir rujukan (sepatutnya, lampiran)
5. penomboran (1,2,3; a,b,c; i,ii,iii, atau sebagainya)
6. tatabahasa terutamanya bagi penulisan Bahasa Inggeris (kesesuaian subjek dan katakerja, di+tempat dan di+perbuatan)
7. tatacara (“tajuk”, (tahun) atau tahun, perapian teks (justify), penetapan penggunaan pp. atau p. dan sebagainya)
8. tanda baca (tanda koma tidak digunakan)

### **Jurnal Gading 2003**

Jurnal ini berjaya memuatkan 25 penulisan iaitu dari muka 1 hingga 194. Namun begitu, terdapat pengurangan dalam jumlah penulisan yang diterbitkan berbanding tahun 2002. Jurnal Gading 2003 mengulangi kesilapan yang sama dengan beberapa tambahan. Antaranya:

1. penggunaan jenis tulisan dan saiz yang berbeza.
2. penyelarasan fakulti sebagai rujukan kepada penulis
3. kegagalan tatacara untuk tajuk peringkat kedua (second order)
4. tajuk jadual patut ditulis di atas atau di bawah jadual.
5. jadual yang tidak dibetulkan penulisan isinya (rujuk muka 39)

### **Jurnal Gading 2004**

Jurnal Gading mengalami nasib yang lebih malang, kerana gagal diterbitkan pada tahun ini dan digabungkan ke tahun 2005. Kegagalan ini adalah kerana hanya enam penulisan yang diterima dan hanya empat penulisan yang layak diterbitkan. Jumlah ini adalah tidak kos efektif untuk penerbitan. Ironinya, tahun 2004 adalah tahun di mana pensyarah mula diwajibkan menulis bagi tujuan penilaian prestasi kerja.

### **Jurnal Gading 2005**

Cabarannya jurnal ini memuncak apabila ia dicetak dan diterbitkan melalui UPENA Shah Alam. Sikap pro-aktif diambil badan penyunting di mana kerja-kerja penyuntingan perlu dilakukan pada dua tahap, iaitu penyuntingan isi, kemudian penyuntingan bahasa.

Dianggotai oleh lebih ramai penyunting, penerbitan jurnal ini telah diharapkan dapat dihasilkan dengan hampir tiada kecacatan pada kali pertama (zero defect at first attempt). Namun begitu, kesilapan baru wujud selepas penyunting menerima kembali artikel dari penulis selepas dibaiki. Antaranya, kesilapan ejaan dan tatacara yang pada asalnya betul atau tiada.

Masalah baru wujud apabila kurang wujudnya komputer yang menjana Window XP yang terus dilengkapi perisian Publisher bagi semua pensyarah. Maka itu pensyarah, diminta menghantar penulisan mereka dalam bentuk perisian ‘Word’ dan kemudian disalin ke perisian Publisher oleh pengatur huruf. Ini mewujudkan masalah kerana risiko untuk teks tercicir adalah agak tinggi. Versi perisian ‘Word’ yang berbeza juga mencabar kelancaran proses ini. Ketelitian yang jitu perlu ada pada setiap pengatur huruf agar kesilapan tidak wujud.

## **PENUTUP**

Kesilapan dan kelemahan yang dibentangkan tidak bertujuan membimbangkan mana-mana pihak. Ia lebih berbentuk cadangan agar penambahbaikan dapat diketengahkan.

## Kesimpulan

Kepentingan penyunting dikesan sangat tinggi di dalam kajian ini. Keperluan kemahiran dalam program Publisher juga dilihat sebagai keperluan utama kini, memandangkan penerbitan perlu melalui UPENA yang menetapkan setiap manuskrip yang dihantar di dalam format Publisher.

Kesilapan-kesilapan tatacara wujud adalah kerana tiada sistem yang tetap digunakan. Setiap penerbitan dalaman dari prosiding Seminar Sains, Teknologi dan Sains Sosial (STSS), Konferensi Akademik (KONAKA), ke Jurnal Gading, mempunyai perbezaan dari sudut tatacaranya. Perbezaan antara kebiasaan penulisan dalam bidang sains teknologi dan sains sosial juga meninggalkan impak yang ketara.

## Penambahbaikan

Dalam cita-cita kita untuk menuju ke arah universiti bertaraf dunia, tidak salah jika cita-cita ini dilanjutkan kepada penerbitan jurnal akademik yang bermutu dan bertaraf kebangsaan. Kewujudan kesilapan-kesilapan asas ini, tidak patut dilihat sebagai kelemahan badan penyunting semata-mata. Ini kerana asas dan punca kesilapan ini adalah dari penulis sendiri.

Penulis perlulah prihatin terhadap penulisan yang dihantar untuk penerbitan walaupun ia hanya jurnal dalaman dan barisan penyunting terdiri dari rakan sekerja. Penulis juga seharusnya tidak mengambil mudah atas alasan wujudnya badan penyunting untuk menyemak hasil penulisan mereka.

Satu set tatacara yang lengkap perlu disediakan dan diedarkan kepada semua penulis dan bakal penulis. Ia perlu dipatuhi bukan sahaja secara kritikal oleh penulis tapi juga oleh setiap anggota penyunting. Penyunting dan pengatur huruf perlulah bersifat mengkritik dan bijak mengesan setiap ketidakpatuhan pada penulisan yang dihantar. Penyunting juga perlu hebat dalam pengolahan akademik dan terutama sekali di dalam Bahasa Inggeris.

Pendidikan profesional kepada penyunting dilihat sebagai sesuatu yang perlu dan penting. Penyunting bertaualiah ini bolehlah diwujudkan sebagai satu badan induk yang diberisi panel penyunting bagi semua prosiding dan jurnal dalaman agar keselarasan dapat diwujudkan dan dipertingkatkan.

Kursus penulisan akademik bagi para pensyarah juga mungkin bakal menghasilkan produk penulisan akademik yang mantap. Ini kerana ada di antaranya yang pernah menghantar tugas-tugas kelas ketika belajar tanpa mengasahnya terlebih dahulu agar lebih bersinar sebagai satu penulisan yang bersifat akademik.

Mewujudkan satu anggota kerja pengatur huruf yang mahir dan separuh mahir bagi kesemua produksi penerbitan dalaman juga dilihat sebagai perlu kini. Ini kerana sandaran tugas ini kepada pensyarah sepenuh masa adalah sangat membebankan. Tumpuan jitu terhadap kerja-kerja mengatur huruf sukar diberikan dengan tanggungjawab hakiki yang sarat.

Dengan itu, diharapkan agar hasil kajian dan cadangan ini dilihat dari sudut yang positif demi memartabatkan status dan kualiti jurnal dan prosiding-prosiding terbitan dalaman di universiti ini.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi tahniah kepada barisan penyunting dan pengatur huruf jurnal akademik Gading terdahulu dan kini. Sokongan jitu anda telah menjayakan produksi jurnal ini. Begitu juga kepada penyumbang-penyumbang artikel. Semoga ia menjadi dorongan kepada pensyarah-pensyarah baru.

## RUJUKAN

- Anon. (2002). *Why write for academic journals?* <http://www.mcgrawhill.co.uk/openup/chapters>
- Anon. (2003). *Tips on how to write a paper for academic journals.* <http://www.leighthompson.com>

Anon. (2004). *Writing academic papers*. <http://www.rddirect.org.uk>

Corder, S.P. (1967). The significance of learners' errors. In J.C.Richards (ed.) (1974) *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. (pp. 19 – 27) London: Longman.

Davis, D. (1998). *Academic Journal: What are they?*  
<http://www.jerz.setonhill.edu/writing/academic/sources/journals>

Murray, R. (2005). *Writing for Academic Journals*. Glasgow: Open University Press.